

DATE: 1/6/2010

Tidak wajar menjatuhkan kredibiliti seorang negarawan - Mohamed Khaled Kemuka laporan forum hentam Dr. M

UM - 1/06/2010

Oleh SITI MAISARAH
SHEIKH ABD. RAHIM
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 31 Mei - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengarahkan Universiti Malaya mengemukakan laporan terperinci berhubung penganjuran forum yang mengaibkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penganjuran

forum tersebut tidak wajar jika matlamatnya menjatuhkan kredibiliti seorang negarawan yang banyak berjasa kepada negara.

"Malah, ia bertentangan dengan budaya, amalan dan norma akademik berasaskan keilmuan dan kebenaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis penyampaian surat kelulusan penubuhan, pendaftaran IPTS dan pendaftaran Ketua Eksekutif Universiti Antarabangsa

Inti di sini hari ini.

Mohamed Khaled mengulas penganjuran forum oleh Kluster Penyelidikan Sains dan Tingkah Laku Sosial (SBSRC) Universiti Malaya (UM) yang didakwa mengaibkan Dr. Mahathir.

Forum yang diadakan di Dewan Syarahan Fakulti Ekonomi itu pada mulanya bertujuan membincangkan buku bertajuk *'Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Trubulent Times'* karya Barry Wain tetapi telah di-

jadikan medan untuk menghentam Dr. Mahathir, UMNO dan orang Melayu.

Mohamed Khaled berkata, setiap universiti perlu menyediakan garis panduan dan tatacara yang jelas supaya program berbentuk akademik yang dianjurkan tidak lari daripada matlamat asal.

"Memandangkan aktiviti keilmuan termasuk syarahan dan forum ini akan sentiasa berlaku (dianjurkan) di universiti, pihak universiti

perlu menyediakan garis panduan agar ia tidak dijadikan platform kepada individu tertentu yang mempunyai agenda.

"Hal ini penting, supaya kebebasan akademik yang dimiliki oleh universiti tidak disalahguna bagi mereka yang berkepentingan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, semua Naib Canselor mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan menganjurkan prog-

ram-program dalam kampus atas bu-
di bicara masing-masing.

Mohamed Khaled berkata, setiap universiti tidak perlu merujuk kepada Kementerian dalam penganjuran program berbentuk syarahan.

"Seseorang Naib Canselor sebenarnya boleh menilai kewajaran sesuatu program dianjurkan kerana universiti mempunyai kebijaksanaan dan pertimbangan yang wajar untuk mengadakan sesuatu program," katanya.